

27 JAN 1998

Basikal-Komanwel

LTDL SEBAGAI PERLUMBAAN PENTING HADAPI SUKAN KOMANWEL 1998

LANGKAWI, 27 Jan (Bernama) -- Le Tour de Langkawi 1998 (LTDL `98) dari 18 Feb hingga 1 Mac dianggap sebagai perlumbaan penting kepada pelumba-pelumba negara Komanwel dalam persediaan menghadapi sukan Komanwel ke-16 di Kuala Lumpur pada September.

Pengurus Hal Ehwal korporat LTDL Abdullah Kamal Shafi'i berkata para pelumba boleh mengambil peluang untuk menyesuaikan diri, menimba pengalaman serta mengetahui keadaan cuaca sebagai persiapan menjelang perlumbaan itu.

Beberapa negara Eropah termasuk Britain dijadual tiba lebih awal untuk menyesuaikan diri dengan keadaan negara ini termasuk jalan-jalan yang akan dilalui, katanya ketika ditemui pemberita hari ini.

Katanya perlumbaan mengandungi 12 peringkat itu dianjurkan oleh First Cartel (Malaysia) Sdn Bhd dan akan disertai kira-kira 250 pelumba dari 25 pasukan terbaik dunia dan kelab profesional dari Itali, Belanda, Jerman, Britain, Australia, Afrika Selatan, negara-negara Asia dan Malaysia.

Perlumbaan edisi ketiga itu akan bermula dari Langkawi dan berakhir di Dataran Merdeka Kuala Lumpur. Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dijangka melancarkannya.

Dua kelab Itali Mapei Bricobi dan Scrigno-Gaerne adalah antara kelab profesional yang mengesahkan akan mengambil bahagian.

Beliau berharap orang ramai akan lebih peka kepada penganjuran LTDL kerana ia memberi pulangan kepada negara terutama dari segi sektor pelancongan.

Abdullah berharap pengusaha hotel di Langkawi akan menghebahkan kepada pelancong yang menginap di hotel mereka mengenai LTDL supaya merebut peluang menyaksikan pelumba terbaik dunia mengambil bahagian.

LTDL mendapat pengiktirafan sebagai perlumbaan terbaik di Asia dan menyerupai Tour de France.

Sementara itu Russia merupakan negara pertama tiba di Kuala Lumpur minggu lepas dalam persediaan menghadapi perlumbaan itu. -- BERNAMA

ZI NMO